

Nama: _____ Tarikh: _____

 Tekan ikon  untuk mendengar dan membaca semula petikan pemahaman mudah.

 Jawab soalan-soalan pemahaman.



Jam tangan pintar

Ini jam tangan pintar Rafizi. Bapa Rafizi menghadiahkan jam tangan pintar ini kepada Rafizi semasa hari jadinya. Jam tangan pintar ini tahan lasak dan ringan. Jam tangan pintar ini dilengkapi dengan fungsi sukan pelbagai. Rafizi memakainya semasa bersukan untuk mengetahui jumlah kalori yang dibakar. Selain itu, Rafizi menggunakan fungsi amaran getaran jam tangan pintar ini untuk membangunkan diri dari tidur setiap pagi. Rafizi amat menyukai jam tangan pintar ini.

 Jawab soalan-soalan berikut:

1. Ini jam tangan pintar siapa?

2. Apakah fungsi pada jam tangan pintar yang digunakan oleh Rafizi semasa bersukan?

3. Apakah yang dapat diketahui jika Rafizi memakai jam tangan pintar ini semasa bersukan?

4. Apakah fungsi pada jam tangan pintar yang digunakan oleh Rafizi untuk membangunkan diri dari tidur?